



Kementerian Pelajaran Malaysia

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH
HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
PENDIDIKAN SIVIK
DAN
KEWARGANEGARAAN
TINGKATAN 5



Pusat Perkembangan Kurikulum

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA	v	HURAIAN SUKATAN PELAJARAN	7
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vii	TEMA 1 : PENCAPAIAN KENDIRI	8
KATA PENGANTAR	ix	TEMA 2 : HUBUNGAN KEKELUARGAAN	10
PENDAHULUAN	1	TEMA 3 : HIDUP BERMASYARAKAT	11
KANDUNGAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN SEKOLAH MENENGAH	2	TEMA 4 : WARISAN KEPELBAGAIAN BUDAYA MALAYSIA	12
KHIDMAT MASYARAKAT	5	TEMA 5 : MALAYSIA NEGARA BERDAULAT	14
STRATEGI PELAKSANAAN	6	TEMA 6 : CABARAN MASA DEPAN	16
PENILAIAN	6	PELAKSANAAN KHIDMAT MASYARAKAT	19

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.



KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharap dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, teori pelbagai kecerdasan, pembelajaran masteri, pembelajaran secara konstruktivisme dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharap dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, guru perlu peka terhadap pembinaan akhlak dan kesedaran murid tentang hak dan tanggungjawab sebagai warga negara dengan mengambil kira aspek pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik. Guru juga perlu menekankan aktiviti khidmat masyarakat yang merupakan komponen penting dalam memupuk kesedaran sivik di kalangan murid. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam usaha menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini, banyak pihak terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pelajaran dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

(MAHZAN BIN BAKAR SMP, AMP)

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Mata Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan diajar sebagai satu mata pelajaran persekolahan mulai tahun 2005, di sekolah rendah dan menengah. Pada masa dahulu, pendidikan sivik bertumpu pada struktur dan jenis kerajaan. Tetapi kini, mata pelajaran ini memberi tumpuan pada keadaan semasa masyarakat serta keperluan masa depannya.
- 1.2 Sivik merujuk kepada hubungan individu dengan masyarakat di sekelilingnya. Manakala kewarganegaraan merujuk kepada hubungan individu dengan negaranya. Guru membantu murid menguasai pengetahuan sivik, kemahiran sivik dan nilai sivik supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab.
- 1.3 Berdasarkan keadaan semasa yang melanda golongan remaja, kurikulum mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi tumpuan utama pada isu perpaduan, patriotisme dan pemahaman kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia. Melalui kurikulum ini diharap dapat melahirkan individu yang bersemangat patriotik, boleh bekerjasama dengan orang lain, mengapresiasi kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, menyelesaikan konflik tanpa menggunakan keganasan, menyayangi alam sekitar dan menyumbang ke arah pembangunan negara.



2.0 KANDUNGAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN SEKOLAH MENENGAH

2.1 Matlamat

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia

2.2 Objektif

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai.

2.2.1 Objektif Pengetahuan:

- i. Mengenal pasti ciri-ciri peribadi yang boleh menyumbang terhadap pembangunan masyarakat dan negara.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab keluarga terhadap pembentukan masyarakat yang sejahtera.
- iii. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu.
- iv. Menjelaskan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang progresif, dinamik dan patriotik.
- v. Menghuraikan peranan dan tanggungjawab warganegara terhadap pembangunan negara.
- vi. Mengetahui cara-cara menangani cabaran dan ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat dan negara.

2.2.2 Objektif Kemahiran:

- i. Mendisiplinkan diri dalam mencapai wawasan diri dan negara.
- ii. Menjalankan tanggungjawab sebagai anggota keluarga untuk melahirkan keluarga yang bahagia.
- iii. Berinteraksi dengan anggota masyarakat pelbagai kaum untuk mewujudkan perpaduan negara.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan masyarakat.
- v. Bekerjasama dengan anggota masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vi. Menyertai aktiviti pembangunan masyarakat dan negara.
- vii. Mengambil tindakan wajar dalam menghadapi pelbagai situasi.

2.2.3 Objektif Nilai:

- i. Mempunyai wawasan untuk mencapai kejayaan diri, masyarakat dan negara.
- ii. Menghargai sumbangan keluarga dalam membentuk masyarakat yang mapan.
- iii. Berbangga terhadap keunikan pelbagai budaya sebagai keistimewaan masyarakat Malaysia.
- iv. Menghargai kepentingan alam sekitar dalam meningkatkan kualiti hidup.
- v. Bersikap prihatin terhadap anggota masyarakat yang memerlukan bantuan demi kesejahteraan bersama.
- vi. Menunjukkan kesedaran sivik dan kewarganegaraan sebagai warganegara yang bertanggungjawab.
- vii. Cinta akan negara dan sanggup berkorban untuk negara.
- viii. Menunjukkan semangat kekitaan dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara dan sejagat.



2.3 Tema

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik supaya murid menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Kandungan ini disampaikan menerusi enam tema seperti berikut:

1. Pencapaian Kendiri
2. Hubungan Kekeluargaan
3. Hidup Bermasyarakat
4. Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia
5. Malaysia Negara Berdaulat
6. Cabaran Masa Depan

Tema-tema ini tidak semestinya diajar secara urutan dan guru boleh menyesuaikan tema ini dengan peristiwa atau isu semasa yang berlaku sama ada dalam sekolah, masyarakat atau di peringkat negara. Misalnya, tema Malaysia Negara Berdaulat boleh diajar dalam konteks sambutan Bulan Kemerdekaan agar murid dapat memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai warganegara Malaysia.

3.0 KHIDMAT MASYARAKAT

Khidmat Masyarakat merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Aktiviti ini dijalankan di luar jadual waktu persekolahn. Murid perlu melakukan kerja amali ini sekurang-kurangnya 10 jam setahun dan menyediakan laporan. Khidmat Masyarakat harus dikait rapat dengan pembelajaran akademik dalam bilik darjah. Khidmat Masyarakat bertujuan membina individu yang bersedia untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Guru harus memastikan murid menjalankan kerja projek ini mengikut tema yang ditetapkan seperti berikut:

Tingkatan	Tema
1	1. Pencapaian Kendiri 2. Hubungan Kekeluargaan
2	3. Hidup Bermasyarakat
3	4. Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia
4	5. Malaysia Negara Berdaulat
5	6. Cabaran Masa Depan



4.0 STRATEGI PELAKSANAAN

Dalam usaha menjadikan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai mata pelajaran menarik dan berkesan, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran mesti digunakan. Kepelbagaian strategi ini harus memberi penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan berorientasikan aktiviti *hands-on* di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh itu, strategi yang dijalankan sewajarnya dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang isu sivik, menerapkan pelbagai kemahiran dan memupuk nilai sivik ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, patriotik dan bersatu padu.

5.0 PENILAIAN

Untuk mengukur pembelajaran murid dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai, guru digalakkan menggunakan pelbagai cara penilaian. Antara cadangan bentuk penilaian yang boleh dijalankan ialah pemerhatian, senarai semak tingkah laku, ujian, tugas, dan laporan.

6.0 HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

- 6.1 Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan untuk membantu guru merancang aktiviti dan menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan tahap kebolehan murid.

Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan mengandungi tiga lajur, iaitu **Tema/Tajuk**, **Hasil Pembelajaran** dan **Cadangan Aktiviti**.

6.1.1 Tema/Tajuk

Lajur ini mengandungi tema, tajuk pengajaran dan huraian tajuk pengajaran. Ini menentukan skop pengajaran bagi sesuatu tema mengikut tahun yang berkenaan.

6.1.2 Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah penerangan atau pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang murid diharap mencapai dalam setiap tahun. Guru boleh mencerakinkan hasil pembelajaran ini dalam bentuk yang lebih spesifik bersesuaian dengan kandungan tema dan tajuk.

6.1.3 Cadangan Aktiviti

Lajur ini mengandungi aktiviti untuk membantu murid mencapai hasil pembelajaran bagi tema dan tajuk berkenaan. Guru juga boleh menggunakan aktiviti lain asalkan sesuai dengan tajuk pengajaran.

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>1. PENCAPAIAN KENDIRI</p> <p>a. Pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Konsep pendidikan sepanjang hayat - Ciri-ciri pendidikan sepanjang hayat - Kepentingan pendidikan sepanjang hayat 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan konsep pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan negara ii. Menjelaskan ciri-ciri pendidikan sepanjang hayat iii. Menghuraikan kepentingan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan negara iv. Memanfaatkan ilmu untuk pembangunan negara v. Bertindak rasional dalam pelbagai situasi vi. Menghargai kepentingan ilmu 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menghasilkan peta minda tentang konsep dan ciri-ciri pendidikan sepanjang hayat ii. Mengadakan sumbang saran langkah-langkah untuk memupuk pembelajaran sepanjang hayat <ul style="list-style-type: none"> - kemahiran pengurusan masa - kemahiran berfikir - kemahiran membaca - kemahiran penggunaan ICT - pembelajaran sendiri iii. Mengadakan forum bertajuk “Kepentingan Pendidikan Sepanjang Hayat” iv. Mengumpul keratan akhbar/majalah/ bahan-bahan internet tentang penerokaan ilmu dalam pelbagai bidang oleh individu yang berjaya (contoh: peladang/ usahawan/pemuzik/jurutera)

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>1. PENCAPAIAN KENDIRI</p> <p>b. Perikemanusiaan ke arah kesejahteraan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Empati - Menghargai nyawa - Menjaga maruah - Cinta akan keamanan 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan konsep perikemanusiaan ii. Menghuraikan isu-isu kemanusiaan iii. Menjelaskan kepentingan nilai-nilai perikemanusiaan kepada masyarakat iv. Mengamalkan cara hidup berperikemanusiaan v. Melibatkan diri secara aktif dalam pembentukan masyarakat penyayang vi. Prihatin terhadap isu-isu kemanusiaan vii. Menghargai kesejahteraan negara 	<ul style="list-style-type: none"> i. Melakonkan situasi empati berdasarkan kad-kad situasi seperti mangsa kebakaran, banjir dan gempa bumi ii. Mengadakan sumbang saran mengenai isu-isu kemanusiaan yang terdapat dalam klip video, poster dan keratan akhbar iii. Membuat lawatan ke pusat penempatan mangsa bencana dan memberi sumbangan kepada mereka iv. Mengadakan aktiviti perbincangan kumpulan tentang masalah remaja berkaitan dengan isu-isu kemanusiaan (contoh: penderaan dan pembuangan bayi)

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>2. HUBUNGAN KEKELUARGAAN</p> <p>a. Persiapan membina keluarga ke arah pembentukan masyarakat mapan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Restu ibu bapa/penjaga - Kesihatan fizikal dan mental - Ilmu keibubapaan - Kewangan yang stabil - Peraturan perkahwinan mengikut undang-undang negara 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan persiapan membina keluarga ke arah pembentukan masyarakat mapan ii. Menjelaskan kepentingan mematuhi peraturan perkahwinan mengikut undang-undang negara iii. Menyenaraikan ciri-ciri calon pasangan yang baik iv. Menghuraikan ciri-ciri ibu bapa yang cemerlang v. Mengamalkan pengurusan kewangan keluarga yang cekap vi. Melengkapkan diri dari segi fizikal dan mental untuk membina keluarga bahagia vii. Bertanggungjawab terhadap keluarga viii. Menghargai restu ibu bapa/penjaga 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengadakan perbincangan bertajuk “Restu Ibu bapa Penting Dalam Membina Keluarga Bahagia” ii. Menghasilkan peta minda berkaitan kepentingan sesebuah keluarga bahagia iii. Mengumpul maklumat tentang institusi yang berkaitan dengan perkahwinan/ kekeluargaan iv. Mengadakan ceramah tentang “Membina Keluarga Yang Cemerlang” v. Mengadakan pelbagai aktiviti lakonan/ perbincangan/main peranan dengan mengaplikasikan ilmu keibubapaan bagi mengatasi konflik keluarga

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>3. HIDUP BERMASYARAKAT</p> <p>a. Sumbangan terhadap pembangunan masyarakat melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Individu - Agensi kerajaan - Badan Bukan Kerajaan (NGO) 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenal pasti agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang berkhidmat kepada masyarakat ii. Menerangkan kepentingan penglibatan aktif individu dalam aktiviti kemasyarakatan iii. Menyatakan bentuk sumbangan yang boleh diberikan oleh individu dalam aktiviti kemasyarakatan iv. Memberi cadangan dan teguran yang membina kepada agensi kerajaan dalam pembangunan masyarakat v. Mewujudkan perkongsian pintar dengan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam aktiviti kemasyarakatan kepada golongan yang memerlukan vi. Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan melalui agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan vii. Gembira dapat memberi sumbangan kepada anggota masyarakat yang memerlukan viii. Bersedia memberi sumbangan kemasyarakatan pada setiap masa 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mencari maklumat daripada pelbagai sumber tentang peranan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan ii. Menyediakan kertas cadangan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan seperti membantu mangsa bencana alam, gotong-royong dan menjaga keselamatan awam iii. Melawat dan memberi khidmat masyarakat kepada rumah kebajikan seperti Rumah Orang Tua/Orang Kurang Upaya/Anak Yatim iv. Merancang dan mencadangkan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang boleh dijalankan bersama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan v. Mengutus surat kepada agensi kerajaan bagi penambahbaikan mutu perkhidmatan kepada masyarakat vi. Menjemput wakil agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan untuk memberi ceramah tentang “Keperluan Sumbangan Golongan Remaja dalam Pembangunan Khidmat Masyarakat” vii. Mendokumentasikan aktiviti kemasyarakatan (foto/keratan akhbar)

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>4. WARISAN KEPELBAGAIAN BUDAYA MALAYSIA</p> <p>a. Sumbangan pelbagai pihak terhadap pengekalan warisan budaya Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - Individu - Agensi kerajaan - Badan Bukan Kerajaan (NGO) 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyenaraikan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam pengekalan warisan budaya Malaysia ii. Menghuraikan sumbangan individu, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan terhadap pengekalan warisan budaya Malaysia iii. Menjelaskan kepentingan mengekalkan warisan budaya Malaysia iv. Menyertai sebarang bentuk aktiviti warisan budaya yang dianjurkan oleh pelbagai pihak v. Bangga dengan keunikan warisan budaya Malaysia vi. Mengapresiasi sumbangan pelbagai pihak dalam mengekalkan warisan budaya Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menghasilkan brosur berkaitan aktiviti pelbagai pihak dalam mengekalkan warisan budaya Malaysia ii. Meraikan sambutan hari perayaan sesuatu kaum di kelas/sekolah iii. Program 10 minit di perhimpunan sekolah bertemakan “Warisan Kepelbagaian Budaya Malaysia”(contoh: seni mempertahankan diri, pakaian tradisional, nyanyian, tarian) iv. Mengadakan forum bagi membincangkan kepentingan mengekalkan warisan budaya Malaysia v. Mencipta cogan kata yang bertemakan “Pengekalan Warisan Budaya Malaysia”

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>4. WARISAN KEPELBAGAIAN BUDAYA MALAYSIA</p> <p>b. Mempromosikan warisan budaya Malaysia di dalam dan di luar negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Duta kecil - Media cetak - Media elektronik 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan cara-cara mempromosikan warisan budaya Malaysia di dalam dan luar negara ii. Menjelaskan peranan duta kecil dalam mempromosikan warisan budaya Malaysia iii. Melibatkan diri dalam mempromosikan warisan budaya Malaysia melalui media cetak dan elektronik iv. Memberi sokongan terhadap usaha mempromosikan warisan budaya Malaysia v. Menghargai segala usaha mempromosikan warisan budaya Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengadakan pameran untuk mempromosikan budaya Malaysia ii. Menghasilkan buletin/poster warisan budaya Malaysia iii. Membina laman web berkaitan warisan budaya Malaysia iv. Merumuskan tayangan video tentang warisan budaya Malaysia v. Menghantar e-mel/surat kepada rakan di dalam atau luar negara untuk memperkenalkan warisan budaya Malaysia vi. Main peranan sebagai duta kecil bagi mempromosikan warisan budaya Malaysia kepada kaum lain/pelancong vii. Mengundang individu yang mempunyai kemahiran tentang warisan budaya Malaysia untuk memberikan ceramah, mengadakan pameran atau tunjuk cara (contoh: batik, tembikar, kraftangan, bahasa beradat, dondang sayang, “kohlam”, tanglong)

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>5. MALAYSIA NEGARA BERDAULAT</p> <p>a. Mengekalkan kedaulatan negara - Rukun Negara</p>	<p>i. Menghuraikan konsep negara berdaulat</p> <p>ii. Menjelaskan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam mengekalkan kedaulatan negara</p> <p>iii. Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara</p> <p>iv. Melibatkan diri dalam usaha untuk memelihara dan mengekalkan kedaulatan negara</p> <p>v. Bersyukur dengan kemakmuran dan kesejahteraan negara</p> <p>vi. Menunjukkan perasaan bangga dan taat setia kepada negara</p>	<p>i. Menemuramah anggota keluarga atau warga sekolah tentang prinsip Rukun Negara</p> <p>ii. Mencipta dan mendeklamasikan puisi yang bertemakan “Malaysia Negara Berdaulat”</p> <p>iii. Berbincang tentang kepentingan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara</p> <p>iv. Mengadakan aktiviti mencari maklumat tentang amalan prinsip-prinsip Rukun Negara oleh warganegara yang bertanggungjawab</p> <p>v. Menunjukkan cara-cara/usaha-usaha memelihara dan mengekalkan kedaulatan negara dengan menggunakan kaedah <i>Theory of Constraints (TOC)</i></p> <p>vi. Mengadakan pertandingan nyanyian lagu-lagu patriotik</p>

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>5. MALAYSIA NEGARA BERDAULAT</p> <p>b. Melengkapkan diri untuk mewarisi negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jati diri - Ilmu - Kemahiran - Kerohanian - Nilai-nilai murni 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menghuraikan ciri-ciri warganegara yang bertanggungjawab untuk menjadi pewaris negara ii. Menjelaskan usaha untuk melengkapkan diri bagi mewarisi negara iii. Mengamalkan ciri-ciri pewaris negara yang bertanggungjawab iv. Menghayati kesedaran sivik dan kewarganegaraan untuk melengkapkan diri sebagai warganegara yang sempurna 	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengadakan pidato bertajuk “Warganegara Malaysia Yang Unggul” ii. Melengkapkan borang pengurusan grafik tentang ciri-ciri pewaris negara iii. Menghasilkan buku skrap tentang amalan nilai-nilai murni warganegara Malaysia iv. Mencari maklumat melalui internet tentang negara-negara yang bertamadun tinggi yang boleh dicontohi oleh pewaris untuk mewarisi negara

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>6. CABARAN MASA DEPAN</p> <p>a. Menjana pembangunan negara</p> <ul style="list-style-type: none"> - Politik - Ekonomi - Sosial 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan faktor-faktor yang boleh menjana pembangunan negara ii. Menyenaraikan cabaran warganegara dalam bidang politik, ekonomi dan sosial iii. Memberi sumbangan untuk menjana pembangunan negara dalam bidang politik, ekonomi dan sosial iv. Bertindak sikap proaktif dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam menjana pembangunan negara v. Cekal menghadapi cabaran dalam menjana pembangunan negara vi. Saling membantu dan bekerjasama dalam menjana pembangunan negara 	<ul style="list-style-type: none"> i. Berbincang tentang faktor-faktor yang menjana pembangunan negara. ii. Menghasilkan folio tentang individu-individu yang berjaya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial iii. Perbahasan ala parlimen yang bertemakan “Cabaran Masa Depan Dalam Pembangunan Negara” iv. Melakar dan mempersembahkan ilustrasi reka cipta barangan buatan Malaysia untuk masa depan v. Menyediakan kertas cadangan tentang peranan dan tanggungjawab remaja dalam menjana pembangunan negara

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>6. CABARAN MASA DEPAN</p> <p>b. Menangani cabaran globalisasi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hubungan serantau dan dunia - Saingan serantau dan dunia 	<ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan konsep globalisasi ii. Menyatakan cabaran globalisasi serantau dan dunia iii. Menyenaraikan cara-cara menangani cabaran globalisasi iv. Menghuraikan kepentingan hubungan serantau dan dunia dalam menangani cabaran globalisasi v. Mengambil tindakan yang rasional untuk menangani saingan serantau dan dunia vi. Melengkapkan diri bagi menghadapi saingan serantau dan dunia vii. Cinta dan sanggup berkorban untuk negara 	<ul style="list-style-type: none"> i. Syarahan bertajuk “Malaysia dan Cabaran Masa Depan” ii. Mengadakan kuiz/teka silang kata mengenai cabaran globalisasi iii. Melayari laman web untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu serantau/dunia dan mempamerkan dalam kelas iv. Menghasilkan artikel untuk akhbar tempatan tentang isu serantau dan dunia v. Main peranan sebagai wakil negara yang memberi ucapan menyatakan pendirian Malaysia tentang isu-isu antarabangsa di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

TEMA/TAJUK	HASIL PEMBELAJARAN	CADANGAN AKTIVITI
<p>6. CABARAN MASA DEPAN</p> <p>c. Mengekalkan dan meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara - Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pelbagai bidang</p>	<p>i. Memberikan contoh-contoh pusat kecermerlangan di Malaysia</p> <p>ii. Menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil bagi meningkatkan status negara sebagai pusat kecemerlangan pelbagai bidang</p> <p>iii. Melibatkan diri dalam usaha meningkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara</p> <p>iv. Menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara dalam mengekalkan imej baik negara di mata dunia</p> <p>v. Berkerjasama untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pelbagai bidang</p>	<p>i. Menyediakan esei bertajuk “Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pelbagai Bidang”</p> <p>ii. Mengadakan lawatan sambil belajar ke pusat/tempat/institusi kecemerlangan negara</p> <p>iii. Menghasilkan satu fail yang mengandungi maklumat berkaitan pusat kecemerlangan dalam pelbagai bidang di Malaysia</p> <p>iv. Menghasilkan iklan untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pelbagai bidang</p>

Pelaksanaan Khidmat Masyarakat

Khidmat Masyarakat ialah komponen amali Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan yang memerlukan penglibatan murid secara kumpulan dalam aktiviti sekolah dan komuniti. Penglibatan ini ialah dalam bentuk projek atau kajian yang boleh membantu dan meningkatkan imej diri, sekolah dan komuniti.

Melalui Khidmat Masyarakat ini, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan yang dipelajari dalam bilik darjah. Murid juga dapat merasakan dirinya sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Dengan ini murid dapat membina martabat diri yang positif dan berbangga kerana telah memberi sumbangan kepada sekolah dan masyarakat.

Murid dikehendaki menjalankan khidmat masyarakat di luar waktu persekolahan sekurang-kurangnya 10 jam setahun.

Matlamat

- (1) Mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik dan kewarganegaraan di luar bilik darjah.
- (2) Memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
- (3) Menjadi warganegara yang patriotik, prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Cadangan Aktiviti

Khidmat Masyarakat untuk tingkatan lima adalah berpandukan tema **Cabaran Masa Depan**. Berikut ialah cadangan aktiviti Khidmat Masyarakat mengikut tema:

Tingkatan	Tema	Aktiviti yang dicadangkan
5	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran Masa Depan 	<ul style="list-style-type: none"> - Projek menyelesaikan masalah komuniti perumahan/sekolah - Projek tabungan untuk membantu pelarian/mangsa bencana alam - Projek mereka cipta sistem pengangkutan mesra alam - Kempen mengatasi gejala sosial - Projek mereka cipta pelan perumahan/model perumahan mesra alam - Projek mereka cipta alatan moden alaf baru - Projek petani/penternak/peladang moden - Projek membina laman web mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pelbagai bidang - Pameran tentang Malaysia sebagai pusat pendidikan antarabangsa - Projek berita/bulletin warga sihat

Murid boleh memilih projek Khidmat Masyarakat lain yang difikirkan sesuai dengan tema yang telah ditetapkan di atas.

Strategi Pelaksanaan

Murid perlu membuat persediaan sebelum melaksanakan sesuatu projek Khidmat Masyarakat. Panduan yang berikut dapat membantu anda membuat persediaan dan melaksanakan projek Khidmat Masyarakat secara terancang dan sistematik.

